

D.R. 40/2017

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO. 2) 2017

SUSUNAN FASAL

BAB I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas
2. Pindaan Akta

BAB II

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

3. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967
4. Pindaan seksyen 21A
5. Pindaan seksyen 44
6. Pindaan seksyen 60^{AA}
7. Pindaan seksyen 107^C
8. Pindaan seksyen 112
9. Pindaan seksyen 120
10. Pindaan seksyen 127
11. Pindaan seksyen 140^A
12. Pindaan Jadual 1
13. Pindaan Jadual 3
14. Pindaan Jadual 6

BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

15. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976

Fasal

16. Pindaan seksyen 21B
17. Pindaan Jadual 2
18. Pindaan Jadual 5

BAB IV

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

19. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014
20. Pindaan seksyen 22
21. Pindaan seksyen 43
22. Pindaan seksyen 64
23. Pindaan Jadual Kedua

BAB V

PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 2013

24. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Kewangan 2013
25. Pindaan seksyen 3

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan Akta Kewangan 2013.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAB I

PERMULAAN

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kewangan (No. 2) 2017.

Pindaan Akta

2. Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 [*Akta 169*], Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*] dan Akta Kewangan 2013 [*Akta 755*] dipinda mengikut cara yang dinyatakan masing-masing dalam Bab II, III, IV dan V.

BAB II

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967

3. (1) Seksyen 4, 7 dan 8 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(2) Seksyen 5, 9, 10, 13 dan 14 mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya Akta ini.

(3) Seksyen 6 dan 12 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2018 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(4) Seksyen 11 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2018.

Pindaan seksyen 21A

4. Akta Cukai Pendapatan 1967, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam seksyen 21A, dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Where a company, limited liability partnership, trust body or co-operative society has made up the accounts of its operations for a period of twelve months ending on a day in a basis year and has failed to make up its accounts ending on the corresponding day in the following basis year (“hereinafter referred to as “the new accounts”), the company, limited liability partnership, trust body or co-operative society shall notify the Director General of such failure in the prescribed form—

(a) in the case where the new accounts are made up ending before the corresponding day, thirty days before the end of the new accounts; or

(b) in the case where the new accounts are made up ending after the corresponding day, thirty days before the corresponding day.”.

Pindaan seksyen 44

5. Subseksyen 44(12) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “company”, di mana-mana jua terdapat, perkataan “, limited liability partnership”.

Pindaan seksyen 60AA

6. Seksyen 60AA Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperenggan (9)(b)(iii) dengan subperenggan yang berikut:

“(iii) the amount of management expenses incurred by him in that period in connection with—

(A) *wakalah* fee receivable in relation to the general fund, inward retakaful fund, offshore fund or family retakaful fund;

(B) any other fee receivable in relation to the general fund, inward retakaful fund, offshore fund or family retakaful fund; or

(C) any other fee receivable in relation to an investment fund from the family fund; and”;

(b) dengan menggantikan subperenggan (10)(b)(iii) dengan subperenggan yang berikut:

“(iii) the amount of management expenses incurred by him in that period in connection with—

(A) *wakalah* fee receivable in relation to the general fund, inward retakaful fund, offshore fund or family retakaful;

(B) any other fee receivable in relation to the general fund, inward retakaful fund, offshore fund or family retakaful fund; or

(C) any other fee receivable in relation to an investment fund from the family fund; and”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (10A) subseksyen yang berikut:

“(10B) The management expenses incurred for the basis period for a year of assessment under —

(a) subsubparagraph (9)(b)(iii)(B) or (C) shall be determined in accordance with the following formula:

$$\frac{A}{B} \times C$$

where A is the total amount of gross income for that period referred to in subparagraph (9)(a)(iii) excluding the amount of gross income in respect of *wakalah* fee;

B is the total amount of gross income for that period referred to in subparagraph (9)(a)(iii) excluding the amount of gross income in respect of *wakalah* fee for commission; and

C is the total management expenses incurred under subparagraph (9)(b)(iii); or

(b) subsubparagraph (10)(b)(iii)(B) or (C) shall be determined in accordance with the following formula:

$$\frac{A}{B} \times C$$

where A is the total amount of gross income for that period referred to in subparagraph (10)(a)(iii) excluding the amount of gross income in respect of *wakalah* fee;

- B is the total amount of gross income for that period referred to in subparagraph (10)(a)(iii) excluding the amount of gross income in respect of *wakalah* fee for commission; and
- C is the total management expenses incurred under subparagraph (10)(b)(iii).”.

Pindaan seksyen 107C

7. Seksyen 107C Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (11A) subseksyen yang berikut:

“(11B) Where there is a failure by a company, limited liability partnership, trust body or co-operative society to make up its accounts ending on the corresponding day in the following basis year pursuant to subsection 21A(3) and the company, limited liability partnership, trust body or co-operative society fails to give a notification in accordance with subsection 21A(3A), any amount of increase or sum that had been imposed under this section based on the accounting period prior to the new accounts as mentioned in subsection 21A(3A) shall continue to be recoverable as if it were tax due and payable from the company, limited liability partnership, trust body or co-operative society to the Government.”.

Pindaan seksyen 112

8. Seksyen 112 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Where there is a failure by a company, limited liability partnership, trust body or co-operative society to make up its accounts ending on the corresponding day in the following basis year pursuant to subsection 21A(3) and the company, limited liability partnership, trust body or co-operative society fails to give a notification in accordance with subsection 21A(3A), any penalty that had been imposed under subsection (3) based on the accounting period prior to the new accounts as mentioned in subsection 21A(3A) shall continue to be recoverable under this Act.”.

Pindaan seksyen 120**9.** Subseksyen 120(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (f), dengan memotong perkataan “or”;
- (b) dalam perenggan (h), dengan menggantikan koma di hujung perenggan itu dengan perkataan “; or”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (h) perenggan yang berikut:

“(i) fails to notify the Director General as required by subsection 21A(3A),”.

Pindaan seksyen 127

10. Proviso kepada subseksyen 127(5) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “or 109B”, di mana-mana jua terdapat, dengan perkataan “, 109B or 109D”.

Pindaan seksyen 140A**11.** Seksyen 140A Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “**and disallowance of interest**”;
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “subsections (3) and (4)” dengan perkataan “subsection (3)”;
- (c) dengan memotong subseksyen (4); dan
- (d) dalam subseksyen (5)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “or the financial assistance referred to in subsection (2) or (4) respectively,” dengan perkataan “referred to in subsection (2)”;
 - (ii) dengan memotong perkataan “or financial assistance”.

Pindaan Jadual 1

12. Perenggan 1 Bahagian 1 Jadual 1 kepada Akta ibu dipinda dalam ruang “*Rates of Income Tax*”—

- (a) dengan menggantikan perkataan “5 per cent” dengan perkataan “3 per cent”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “10 per cent” dengan perkataan “8 per cent”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “16 per cent” dengan perkataan “14 per cent”.

Pindaan Jadual 3

13. Jadual 3 kepada Akta ibu dipinda dengan menggantikan subperenggan 61A(5) dengan subperenggan yang berikut:

“(5) Where paragraph (4) applies, in determining the residual expenditure of such asset for that following basis period, the total qualifying expenditure incurred by that person shall be reduced by—

- (a) any initial allowance made to that person in relation to that asset for any year of assessment;
- (b) any annual allowance made to that person in relation to that asset for any year of assessment; and
- (c) an amount of annual allowance which would have been made to that person for the basis period in which the asset was classified as held for sale as if the asset had been in use in that basis period for the purpose of a business of his.”.

Pindaan Jadual 6

14. Jadual 6 kepada Akta ibu dipinda dalam subperenggan 22(b), dengan memotong perkataan “(that is to say, any professional entertainer, artiste, athlete or other individual who entertains whether in public or private for profit on stage, radio or television, at a stadium or sports ground, or otherwise)”.

BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA
TANAH 1976**Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan
Harta Tanah 1976**

15. Seksyen 16, 17 dan 18 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2018.

Pindaan seksyen 21B

16. Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam seksyen 21B—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “Jika” dengan perkataan “Tertakluk kepada subseksyen (1A), jika”;
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Bagi maksud subseksyen (1), jika pelupus dalam suatu pelupusan yang disebut dalam subseksyen itu seorang yang bukan warganegara dan bukan juga pemastautin tetap, pemeroleh hendaklah memegang simpan kesemua wang itu atau suatu jumlah wang tidak melebihi tujuh peratus daripada jumlah nilai balasan itu mengikut mana-mana yang lebih rendah, dan (sama ada amaun itu dipegang simpan atau tidak) dia hendaklah dalam tempoh enam puluh hari selepas tarikh pelupusan itu membayar amaun itu kepada Ketua Pengarah.”.

Pindaan Jadual 2

17. Jadual 2 kepada Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan 3—
 - (i) dengan menomborkan semula perenggan yang sedia ada sebagai subperenggan (1); dan

- (ii) dengan memasukkan selepas subperenggan (1) yang dinomborkan semula subperenggan yang berikut:

“(2) Apa-apa pemindahmilikan aset antara suami isteri atau kepada syarikat yang disebut dalam subsubperenggan (1)(b) hendaklah melibatkan aset yang dimiliki oleh seorang warganegara.”;

- (b) dalam subperenggan 16(a), dengan memotong perkataan “atau suatu pihak berkuasa atau jawatankuasa yang dilantik oleh Kerajaan atau suatu Kerajaan Negeri”; dan
- (c) dalam subperenggan 19(5) dan 34(1), dengan menggantikan perkataan “subperenggan 3(b)”, di mana-mana jua terdapat, dengan perkataan “subsubperenggan 3(1)(b)”.

Pindaan Jadual 5

18. Bahagian III Jadual 5 kepada Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Dalam hal seorang individu yang bukan warganegara dan bukan juga pemastautin tetap” dengan perkataan “Dalam hal pelupus yang bukan warganegara dan bukan juga pemastautin tetap, atau wasi bagi harta pusaka si mati yang bukan warganegara dan bukan juga pemastautin tetap”.

BAB IV

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014

19. Seksyen 20, 21, 22 dan 23 mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 22

20. Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam perenggan 22(3)(a) dengan memasukkan selepas perkataan “akan dibekalkan” perkataan “, akibat pemberhentian perniagaan,”.

Pindaan seksyen 43

21. Seksyen 43 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Jika mana-mana orang selain orang kena cukai—

(a) tidak mengemukakan suatu perisytiharan di bawah seksyen 42; atau

(b) mengemukakan suatu perisytiharan yang ternyata pada Ketua Pengarah tidak lengkap atau tidak betul,

Ketua Pengarah boleh mentaksirkan mengikut pertimbangan terbaiknya amaun cukai dan penalti di bawah subseksyen 42(4), jika ada, yang genap masa dan kena dibayar oleh orang itu dan hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang itu secara bertulis tentang taksiran itu.”;

(b) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “(1)” perkataan “, (1A)”;

(c) dalam subseksyen (8), dengan memasukkan selepas perkataan “(1),” perkataan “(1A),”.

Pindaan seksyen 64

22. Seksyen 64 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(a), dengan menggantikan perkataan “dan Kerajaan Negeri” dengan perkataan “, Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan”;
- (b) dalam perenggan (1)(b), dengan memotong perkataan “pihak berkuasa tempatan dan”; dan
- (c) dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “pihak berkuasa tempatan atau” di mana-mana jua terdapat.

Pindaan Jadual Kedua

23. Akta ibu dipinda dalam perenggan 2 Jadual Kedua—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:
 - “**Kumpulan wang pencen, dsb.**”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “undang-undang bertulis” perkataan “atau apa-apa levi di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 [*Akta 612*]”.

BAB V

PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 2013

Permulaan kuat kuasa pindaan Akta Kewangan 2013

24. Bab ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2018.

Pindaan seksyen 3

25. Akta Kewangan 2013 dipinda dalam subseksyen 3(7), dengan menggantikan perkataan “dan 2017” dengan perkataan “, 2017, 2018, 2019 dan 2020”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (“Akta 53”), Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (“Akta 169”), Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (“Akta 762”) 1967 dan Akta Kewangan 2013 (“Akta 755”).

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Bab II Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

1. *Fasal 4* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 21A(3A) ke dalam Akta 53.

Subseksyen baharu 21A(3A) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau pertubuhan koperasi hendaklah memaklumkan Ketua Pengarah tentang pertukaran tempoh perakaunannya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

2. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda subseksyen 44(12) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa bagi maksud subseksyen (6), (6A), (8) dan (11) Akta 53, sebutan tentang tahun asas berhubung dengan suatu perkongsian liabiliti terhad hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan tentang tempoh asas bagi tahun taksiran perkongsian liabiliti terhad itu.

Pindaan ini berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya Akta ini.

3. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 60AA Akta 53.

Subfasal (a) dan *(b)* masing-masing bertujuan untuk meminda subperenggan 60AA(9)(b)(iii) dan (10)(b)(iii) Akta 53 untuk meluaskan skop potongan perbelanjaan pengurusan kepada apa-apa fi boleh terima yang lain bagi maksud menentukan pendapatan larasan di bawah subseksyen 60AA(9) dan (10).

Subfasal (c) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu (10B). Subseksyen baharu (10B) bertujuan untuk memperuntukkan formula pengiraan perbelanjaan pengurusan yang akan dipotong daripada mana-mana fi boleh terima yang lain.

Pindaan ini berkuat kuasa pada bagi tahun taksiran 2018 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

4. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 107C Akta 53 untuk memasukkan subseksyen baharu (11B). Subseksyen baharu (11B) bertujuan untuk menjelaskan bahawa akibat kegagalan untuk memaklumkan Ketua Pengarah di bawah subseksyen baharu 21A(3A) tentang pertukaran tempoh perakaunan syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau pertubuhan koperasi, apa-apa kenaikan atau jumlah yang dikenakan di bawah seksyen 107C boleh didapatkan semula seolah-olah kenaikan atau jumlah yang dikenakan itu ialah cukai kena dibayar kepada Kerajaan.

Pindaan ini berkuat kuasa pada bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

5. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 112 Akta 53 untuk memasukkan subseksyen baharu (3A). Subseksyen baharu (3A) bertujuan untuk menjelaskan bahawa akibat kegagalan untuk memaklumkan Ketua Pengarah mengenai pertukaran tempoh perakaunan syarikat, perkongsian liabiliti terhadap, badan amanah atau pertubuhan koperasi di bawah subseksyen baharu 21A(3A), apa-apa penalti yang dikenakan di bawah subseksyen (3) boleh didapatkan semula di bawah Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

6. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda subseksyen 120(1) Akta 53 untuk memasukkan perenggan baharu (i) untuk menjadikan kegagalan untuk memaklumkan mengenai pertukaran tempoh perakaunan sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen baharu 21A(3A) suatu kesalahan.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya Akta ini.

7. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda subseksyen 127(5) Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bagi bayaran balik cukai pegangan atas pendapatan yang diagihkan oleh amanah pelaburan harta tanah kepada pemegang unit jika pemegang unit itu dikecualikan daripada cukai.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya Akta ini.

8. *Fasal 11* bertujuan untuk memotong subseksyen 140A(4) Akta 53. Dengan pemotongan yang dicadangkan, peruntukan yang berhubungan dengan permodalan tipis bagi bantuan kewangan antara orang berkaitan tidak lagi ada.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2018.

9. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda perenggan 1 Bahagian 1 Jadual 1 kepada Akta 53 untuk mengurangkan kadar cukai yang akan dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai seseorang individu seperti yang berikut:

- (a) bagi pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi banjaran antara RM20,001 dengan RM35,000, daripada 5% kepada 3%;
- (b) bagi pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi banjaran antara RM35,001 dengan RM50,000, daripada 10% kepada 8%; dan
- (c) bagi pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi banjaran antara RM50,001 dengan RM70,000, daripada 16% kepada 14%.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2018 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

10. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda perenggan 61A Jadual 3 kepada Akta 53 untuk menggantikan subperenggan (5). Subperenggan (5) sebagaimana yang digantikan bertujuan untuk memperuntukkan pengiraan yang akan terpakai dalam menentukan baki perbelanjaan aset dalam tahun taksiran selepas ia diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan.

Pindaan ini berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya Akta ini.

11. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda subperenggan 22(b) Jadual 6 kepada Akta 53 untuk memotong peruntukan yang berhubungan dengan perihalannya penghibur awam. Pindaan yang dicadangkan berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 2 Akta 53, yang dibuat dalam Akta Kewangan 2017 [*Akta 785*] yang memperuntukkan takrif “penghibur awam” baharu.

Pindaan ini berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya Akta ini.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Bab III Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

12. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda seksyen 21B Akta 169. *Subfasal 16(b)* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu (1A). Di bawah subseksyen baharu ini, jumlah yang dipegang simpan yang berhubungan dengan pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai yang melibatkan pelupus bukan warganegara dan bukan jua pemastautin tetap ialah tujuh peratus.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2018.

13. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda perenggan 3 dan 16 Jadual 2 kepada Akta 169.

Subfasal 17(a)(i) bertujuan untuk menomborkan semula perenggan 3 yang sedia ada sebagai subperenggan 3(1).

Subfasal 17(a)(ii) bertujuan untuk memasukkan subperenggan baharu (2) untuk memperuntukkan bahawa harga lupusan hanya boleh disifatkan sebagai sama dengan harga perolehan di bawah subsubperenggan (1)(b) yang dinomborkan semula—

(a) dalam hal pemindahmilikan aset antara suami isteri, jika aset yang hendak dilupuskan itu dipunyai oleh suami atau isteri, yang merupakan warganegara; dan

(b) dalam hal pemindahmilikan kepada syarikat, jika aset yang hendak dilupuskan itu dipunyai oleh seseorang individu atau isteri individu itu, yang merupakan warganegara, atau jika aset itu dipunyai bersesama oleh individu itu dengan isterinya, kedua-duanya merupakan warganegara, atau jika aset itu dipunyai bersesama oleh individu itu dengan orang yang berkaitannya, kedua-duanya merupakan warganegara.

Subfasal 17(b) bertujuan untuk meminda subperenggan 16(a) Jadual 2 kepada Akta 169 untuk memperuntukkan bahawa kelulusan yang disebut dalam subperenggan tersebut merujuk kepada kelulusan oleh Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Negeri sahaja.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2018.

14. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda Bahagian III Jadual 5 kepada Akta 169 untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian kadar cukai di bawah Bahagian tersebut bagi harta pusaka si mati yang bukan warganegara dan bukan juga pemastautin tetap.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2018.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI BARANG DAN
PERKHIDMATAN 2014

Bab IV Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

15. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda perenggan 22(3)(a) Akta 762 untuk menjelaskan bahawa berkenaan dengan pembekalan barang yang telah atau akan dibekalkan oleh mana-mana orang akibat pemberhentian perniagaan, nilai pembekalan itu tidak diambil kira dalam penentuan nilai ambang.

Pindaan ini berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya Akta ini.

16. *Fasal 21* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 43(1A) ke dalam Akta 762 untuk membenarkan Ketua Pengarah membuat taksiran ke atas mana-mana orang selain orang kena cukai di bawah seksyen 42 Akta 762.

Pindaan ini berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya Akta ini.

17. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda seksyen 64 Akta 762 untuk meluaskan ketidapkakaian Akta 762 kepada apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat oleh mana-mana pihak berkuasa tempatan dan tidak terhad kepada barang atau perkhidmatan berkenaan dengan fungsi pengawalseliaan dan penguatkuasannya sebagaimana dalam peruntukan sedia ada.

Pindaan ini berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya Akta ini.

18. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda perenggan 2 Jadual Kedua kepada Akta 762 untuk menjadikan pembayaran levi pembangunan sumber manusia di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia 2001 [*Akta 612*] oleh majikan sebagai bukan pembekalan barang mahupun pembekalan perkhidmatan.

Pindaan ini berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya Akta ini.

PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 2013

Bab V Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kewangan 2013.

19. *Fasal 30* bertujuan untuk meminda subseksyen 3(7) Akta 755 untuk melanjutkan masa untuk seseorang individu membuat tuntutan potongan peribadi sebanyak RM6,000.00 bagi deposit ke dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional sehingga tahun taksiran 2020.

Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2018 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

AM

20. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3088]